

19 DEC 2003

Kadir-Galeria

GALERIA SRI PERDANA UNTUK HARGAI JASA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Orang ramai dapat melihat cara hidup dan koleksi peribadi bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sekeluarga dengan berkunjung ke Galeria Sri Perdana yang akan dirasmikan esok.

Galeria itu yang diwujudkan di Sri Perdana iaitu kediaman rasmi lama perdana menteri, bertujuan memperingati dan mengenang sumbangan Dr Mahathir sepanjang 22 tahun berkhidmat sebagai Perdana Menteri.

Ia merupakan kediaman rasmi Dr Mahathir sekeluarga dari 23 Ogos 1983 sehingga 18 Ogos 1999 sebelum berpindah ke kediaman rasmi baru Perdana Menteri di Putrajaya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, yang melawat galeria tersebut hari ini, berkata rumah itu mempunyai nilai sejarah tersendiri memandangkan banyak dasar dan peristiwa penting yang berlaku di situ sepanjang 18 tahun bekas Dr Mahathir menetap di sana.

"Rumah ini bersejarah kerana dalam masa 18 tahun (Dr Mahathir tinggal di situ), boleh dibayangkan banyak dasar dan peristiwa yang beliau lalui. Jadi kita semua setuju bahawa sumbangan Tun (Dr Mahathir) kepada pembangunan negara dan rakyat adalah terlalu besar, oleh itu rakyat ingin adakan perbagai upacara dan ingin mengingati sumbangan beliau dengan pelbagai cara," katanya.

Kadir berkata sebagai pemimpin yang sederhana, Dr Mahathir tidak mahu dirinya dipuji mahupun pengorbanan dan sumbangannya digembar-gemburkan.

"Kalau diikuti cadangan untuk diadakan Galeria Sri Perdana ini pun beliau tak setuju. Tetapi Alhamdulillah, dengan keputusan Arkib Negara dan kementerian serta persetujuan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, maka telah diputuskan untuk menjadikan Sri Perdana sebagai galeria," katanya.

Perasmian Galeria Sri Perdana akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi esok, sebelum ia dibuka kepada orang ramai.

Galeria itu antara lain bertujuan menunjukkan kepada orang ramai cara hidup Dr Mahathir serta isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali serta bilik-bilik tempat beberapa mesyuarat diadakan, termasuk beberapa keputusan besar dibuat, termasuk Mesyuarat Tertinggi Umno," kata Abdul Kadir.

Selain itu, ia juga bertujuan menjaga, menyimpan dan memulihara segala bahan-bahan arkib, muzium dan perpustakaan milik dan yang berkaitan dengan Dr Mahathir.

Galeria itu juga bakal dijadikan pusat pelancongan penting di negara ini dan kekal sebagai satu peninggalan sejarah kepada generasi akan datang.

Terletak di kawasan 1.84 hektar di Jalan Damansara, Galeria Sri Perdana meliputi tiga tingkat kawasan pameran, satu blok bangunan pentadbiran dan satu bangunan baru untuk kedai cenderamata dan kafetaria.

Ia menampilkan konsep residensi dengan sebahagian besar ruang-ruang penting dikekalkan manakala yang lain diubah suai menjadi ruang pameran.

Antara koleksi yang terdapat di galeria tersebut ialah sudut koleksi topi dan kasut, bilik tidur utama, bilik persalinan, bilik bacaan, ruang makan keluarga, teater perdana, sudut pameran kereta, rumah hijau dan taman burung.

Galeria itu dibuka setiap hari, kecuali Isnin, dari pukul 10 pagi hingga 5 petang. Ia juga dibuka pada cuti umum dan sepanjang cuti sekolah.

-- BERNAMA
SNS AZZ LAT